

Akta pembetungan mesti segera dikuat kuasa

13-4 915/07 M158



Minda Lestari

Bersama

Prof Dr Zaini Ujang

E-mel: zaini@utm.my

KENYATAAN Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan minggu lalu bahawa undang-undang baru yang digubal khusus untuk memulihara alam sekitar tidak mampu mencapai matlamat jika tidak disokong tindakan penguatkuasaan tegas dan berterusan, perlu diberi perhatian semua pihak.

Beliau berpendapat, walaupun terlalu banyak undang-undang kecil bagi memastikan alam sekitar sentiasa terpulihara, kemusnahan tetap berlaku kerana tiada penguatkuasaan yang tegas.

Kenyataan itu dibuat kepada media mengulas Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid, Khamis lalu yang mahu kerajaan negeri menggubal undang-undang kecil bagi memantau dan mengawal pengaliran kumbahan, terutama di kawasan luar bandar untuk memastikan kualiti sungai dan laut terpulihara.

Kerajaan negeri akan mengkaji cadangan itu, tetapi berpendapat lebih baik jika Kementerian berkenaan mengeluarkan garis panduan supaya undang-undang kecil itu seragam di seluruh negara jika dilaksanakan. Dalam pada itu, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dilaporkan akan berbincang untuk mendapat maklumat dengan Azmi mengenai perkara itu.

Kini pengurusan kumbahan di Malaysia dilakukan menggunakan tiga mekanisme membabitkan tiga kawasan yang sepatutnya dikendalikan tiga agensi. Di kawasan perbandaran, kawal selia, pengurusan dan penyelenggaraan dikendalikan Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP). Sebelum 1994, ia dikendalikan pihak ber-

kuasa tempatan (PBT). Namun, selepas penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993, kawal selia, pengurusan, hak milik aset, operasi dan penyelenggaraan kemudahan pembetungan diserahkan PBT kepada JPP, kecuali di bandar raya Johor Bahru (diswastakan kepada sebuah syarikat), Kelantan, Sabah dan Sarawak. Kerja berkaitan operasi dan penyelenggaraan loji diswastakan JPP kepada Indah Water Konsortium (IWK).

Ketika ini, IWK beroperasi dan menyelenggara lebih 9,100 loji rawatan kumbahan awam dan aset lain termasuk pam, paip pembetungan dan loji rawatan enap cemar di kawasan bandar dan pinggir bandar.

Menurut statistik taburan penduduk, kira-kira 70 peratus tinggal di kawasan bandar dan pinggir bandar yang mempunyai sistem pengurusan kumbahan di bawah bidang kuasa JPP. Pada hemat saya, peranan IWK setakat ini sangat signifikan dan menjadi rujukan banyak negara lain dalam konteks perkhidmatan pembetungan di kalangan negara membangun. Menerusi IWK, ribuan aset perkhidmatan pembetungan dapat dikenal pasti, dioperasi, diselenggara dan dinaik taraf dari semasa ke semasa. Berbanding keadaan sebelum 1994, ada antara PBT yang tidak mempunyai rekod mengenai kewujudan dan spesifikasi loji kumbahan di sesuatu kawasan, apatah lagi untuk beroperasi dengan baik dan dinaik taraf.

Sepanjang berinteraksi dengan JPP dan IWK, saya dapat merumuskan bahawa usaha berterusan dilakukan untuk memperbaiki perkhidmatan pembetungan menerusi pelbagai skim dan dasar yang digubal JPP, dengan peruntukan geran Kerajaan Pusat.

Memang tidak dinafikan, sebahagian usaha dan inisiatif JPP dan IWK tidak begitu efektif, misalnya dalam konteks mengawal punca pencemaran dari segi kualiti nutrien (amonias, nitrit, nitrat dan fosforus), minyak dan geris. Namun, kegagalan itu tidak sewajarnya

dibebankan kepada JPP atau IWK saja. Jika kita kaji objektif reka bentuk loji rawatan kumbahan di Malaysia, sandaran utamanya ialah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang dikuatkuasakan Jabatan Alam Sekitar (JAS). Dalam konteks kumbahan, Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Sisa Industri) 1979 digunapakai.

Dalam hal ini, peraturan menetapkan dua standard yang perlu dipatuhi, iaitu Standard A untuk pelepasan kumbahan dan air sisa industri di kawasan tadahan hujan yang di hilirnya ada muka sauk untuk dijadikan sumber air bagi loji rawatan air minuman. Sementara Standard B adalah kawasan di hilir muka sauk berkenaan.

Persoalannya, kedua-dua standard itu tidak merangkumi parameter berkaitan dengan nutrien. Selain itu, tahap muatan pencemaran organik yang diungkapkan menerusi parameter BOD dan COD - pada hemat saya - tidak lagi relevan. Dalam situasi ini, biarpun semua loji kumbahan dan loji rawatan air sisa industri mematuhi semua standard yang ditetapkan, pencemaran sungai tetap berlaku.

Kajian dilakukan kumpulan penyelidikan saya di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan beberapa institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan agensi lain menunjukkan beban pencemaran di kebanyakan sungai utama di Malaysia perlu ditangani dengan paradigma baru menggunakan inisiatif tidak konvensional. Antaranya menerusi penetapan semula standard dalam konteks kumbahan dan air sisa industri mengikut spesifikasi setempat membabitkan saiz, kadar alir dan jumlah pengaliran dalam sebahagian lembangan sungai.

Selain itu, ada juga rasionalnya untuk membolehkan air sisa industri dialirkan ke sistem pembetungan JPP seperti dilakukan banyak negara, termasuk Singapura dan Jepun. Justeru, inisiatif perlu dilakukan terhadap punca pencemaran khususnya kumbahan, sisa ladang ternakan dan kawasan komersial di bandar kecil yang be-

lum termasuk dalam kawal selia JPP.

Ketika ini tidak ada sistem khusus untuk mengawal selia, memantau dan mengurus punca pencemaran daripada tandas, dapur, kegiatan pembersihan di kawasan itu.

Umumnya, kumbahan dari kawasan luar dan pinggir bandar juga mengandungi pelbagai komponen meliputi bahan organik dan bukan organik yang boleh mencemar sungai. Ketika ini kebanyakan premis menggunakan teknologi tangki septik yang disambung ke tandas.

Bagaimanapun, menurut kajian saya, kebanyakan tangki septik berkenaan tidak direka bentuk dengan betul dan tidak pernah diselenggara dari segi pembuangan enap cemar. Selain itu, sisa dari dapur dan kegiatan pencucian tidak disalurkan ke tangki septik ini sebaliknya dibuang terus ke longkang yang kemudian disalurkan ke sungai tanpa sebarang proses rawatan.

Dari segi perundangan, Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 boleh diguna pakai, tetapi ianya belum dilaksanakan ketika ini. Dalam hal ini Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) boleh berperanan supaya perkhidmatan pembetungan yang lebih menyeluruh - biarpun menggunakan teknologi tangki septik seperti di Jepun dan Amerika Syarikat - boleh diperluaskan ke kawasan luar dan pinggir bandar sebagai suatu keutamaan.

Saya setuju dengan pandangan Menteri Besar Negeri Sembilan itu bahawa "Kita tidak ada masalah menggubal undang-undang khas, termasuk berkaitan pengaliran sistem kumbahan, tetapi ia mesti disusuli penguatkuasaan yang berkesan jika mahu undang-undang itu mencapai matlamatnya. Isu yang membelenggu kita sekarang adalah penguatkuasaan."

Penulis ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTM dan penulis buku *Municipal Wastewater Management in Developing Countries* (2006, IWA Publishing, London)